



"SOMBONG ITU SIFAT IBLIS".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلٰٓئِكَةِ اسْجُدُوْا لِاٰدَمَ فَسَجَدُوْا اِلَّا اِبٰلِيْسَ اَبٰى وَاَسْتَكْبَرَ وَاَكَانَ مِنَ الْكٰفِرِيْنَ ﴿٣٤﴾</p>	<p>2</p>
<p>اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖٓ وَصَحْبِهٖٓ اَجْمَعِيْنَ</p>	<p>3</p>
<p>. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا اَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ! اتَّقُوا اللّٰهَ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: ﴿...﴾</p>	<p>4</p>
<p>Terlebih dahulu saya mengingatkan diri saya dan mengajak hadirin sekalian supaya sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya, bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran dan yang diajar oleh Baginda Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat.</p>	<p>5</p>
<p>Marilah sama-sama kita hayati khutbah yang bertajuk "SOMBONG ITU SIFAT IBLIS." Muslimin yang berbahagia,</p>	<p>6</p>
<p>Sombong merupakan satu penyakit hati, yang mana penghidapnya merasa bangga dan memandang tinggi diri sendiri. Dalam satu hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu, Nabi Muhammad SAW telah bersabda: الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ "Kesombongan adalah menolak kebenaran dan meremehkan manusia." (Riwayat Muslim).</p>	<p>7</p>



<p>Ketahuiilah! Dosa pertama sekali terjadi adalah dosa kesombongan dan keangkuhan iblis terhadap perintah Allah SWT. Sombong membuatkan iblis kufur dan ingkar. Iblis juga merasakan dirinya ciptaan Allah yang lebih mulia, lebih banyak kelebihan dan kekuatan berbanding Adam Alaihissalam. Kerana itulah ia menentang dan mengingkari perintah Allah SWT untuk sujud kepada Nabi Adam Alaihissalam sebagaimana dirakamkan dalam ayat 34 surah al-Baqarah yang dibacakan pada awal khutbah tadi.</p>	8
<p>Penyakit sombong hanya boleh disembuhkan berdasarkan kesedaran diri penderitanya sendiri, kerana sombong itu berpunca daripada kondisi hati seseorang.</p> <p>Allah telah mengingatkan kita, dalam al-Quran surah Al-Isra' ayat 37:</p> <p>وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا</p> <p style="text-align: right;">طُولًا</p>	9
<p><i>"Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang."</i></p>	10
<p>Jelaslah, bahawa Allah SWT melarang sama sekali manusia bersifat sombong, apatah lagi bagi umat Islam. Rasulullah SAW telah mengajar kita supaya sentiasa bersifat lemah lembut serta toleransi sesama insan, tidak mengira agama, bangsa dan fahaman, yang utamanya ialah mencari kedamaian dan keharmonian dalam menjalani kehidupan duniawi ini.</p>	11



<p>Dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ</p> <p><i>"Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sifat sombong, walaupun hanya seberat zarah".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	12
<p>Hadirin yang dimuliakan sekalian,</p> <p>Orang yang bersifat sombong ini disebabkan banyak hal, antaranya kerana pangkat, kuasa, jawatan, harta, ilmu pengetahuan dan keturunan, tetapi terdapat tiga jenis kesombongan yang sangat perlu kita ketahui kerana ketiga-tiganya kebanyakan orang tidak perasan dan tidak menyedarinya, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Sombong terhadap Allah SWT. <p>Iaitu penyakit sombong yang paling parah kerana orang yang sombong kepada Allah SWT bererti ia menolak dan tidak taat kepada Allah SWT. Dalam hatinya tertanam sikap tidak peduli dan ingkar, tidak takut serta tidak malu untuk melanggar apa pun perintah Allah SWT. Ia tidak merasa berdosa sedikit pun, walaupun ia tahu ia beragama Islam. Sifat sombong itu dilarang keras oleh agama Islam.</p>	13
<p>Allah berfirman dalam al-Quran surah Ghafir ayat 60:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ</p>	14
<p><i>"Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."</i></p>	15



<p>1. Sombong terhadap Rasulullah SAW.</p> <p>Orang yang bersifat sombong ini sebenarnya tidak mahu mengikuti ajaran Rasulullah SAW. mereka merasa apa yang diajar dan dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW hanya sesuai digunapakai ketika zaman kehidupan Rasulullah SAW sahaja. Zaman sekarang kata mereka memadai kita telah dilahirkan sebagai umat Islam .</p>	16
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Anfal ayat 22:</p> <p>إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾</p>	17
<p><i>“Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya).”</i></p>	18
<p>Maksudnya, Allah SWT menghina orang-orang yang tidak mahu mendengarkan kebenaran dan tidak mahu menuturkan kata-kata yang hak, sehingga orang tersebut tidak memahami ayat-ayat Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW yang pada akhirnya menyebabkan dia menjadi seorang yang jahil dan tidak mengerti apa-apa dan kejahilan itulah bentuk kehinaan bagi orang-orang yang bersifat sombong.</p>	19



<p>2. Sombong terhadap sesama manusia.</p> <p>Penyakit sombong yang sering terjadi ialah memandang remeh orang lain, merasa dirinya sahaja yang betul dan paling baik, paling bijaksana, paling hebat, paling tahu segalanya, paling pandai mentadbir dan mengurus serta segala-gala yang bersifat paling. Orang sombong ini selalu membanding-bandingkan dirinya dengan orang lain dan menganggap orang lain bodoh, tidak pandai dan buruk jika dibandingkan dengan dirinya.</p>	20
<p>Orang sombong ini biasanya gila kuasa, gila hormat dan dahagakan pujian. Mereka suka membanggakan diri di khalayak ramai, menuturkan kata-kata dan hujah yang tidak layak didengar oleh orang-orang yang beriman dan berilmu. Lebih buruk lagi, orang sombong ini tidak suka menerima teguran, nasihat, saranan apatah lagi bantahan, mereka merasa dirinya sahaja yang paling benar dan tidak akan peduli pada keadaan dan pandangan orang lain.</p>	21
<p>Seperti kata peribahasa Melayu: "Kuman diseberang lautan nampak tetapi gajah di pelupuk mata tidak nampak". maksudnya kesalahan orang lain walaupun kecil dia nampak tetapi kesalahan diri sendiri dia tidak nampak ataupun buat-buat tidak nampak.</p>	22
<p>Sehubungan itu, sebagai umat Islam jauhilah sifat sombong ini kerana sifat tersebut hanya layak dimiliki oleh Allah SWT sepertimana firman-Nya dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: إِنَّ الْعِزَّ إِزَارِي وَالْكَِبْرِيَاءَ رِدَائِي فَمَنْ نَازَعَنِي فِيهِمَا عَدَبْتُهُ.</p>	23



<p><i>“Sesungguhnya Allah SWT berfirman: “Kemuliaan adalah pakaian-Ku dan sombong adalah selendang-Ku. Barangsiapa yang mengambilnya dari-Ku, Aku akan mengazabnya.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tabarani).</i></p>	24
<p>Muslimin sekalian,</p> <p>Bagi mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita mengambil iktibar tentang bahayanya sifat sombong ini, antaranya:</p> <p>1. Sifat sombong menghancurkan amal soleh.</p> <p>Orang sombong tidak pernah bersifat ikhlas yang menjadi teras kepada perbuatan dan amal ibadah. Segala perbuatan dan amalnya hanya sia-sia sahaja.</p>	25
<p>Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Ada tiga perkara yang membinasakan iaitu sifat rakus dan bakhil, mengikuti hawa nafsu serta membanggakan diri (sombong)”.</i></p> <p><i>(Riwayat Tabarani).</i></p>	26
<p>2. Sifat sombong merupakan syirik yang tersembunyi.</p> <p>Syirik merupakan dosa yang tidak diampunkan oleh Allah SWT kerana orang yang syirik tidak mengaku ke-Esaan Allah SWT. Jika dikatakan sifat sombong merupakan penyakit syirik yang tersembunyi, sudah pasti balasan yang diterima lebih berat lagi.</p>	27



<p>Sesungguhnya orang sombong seringkali menyalahkan takdir atas kejelekan atau ketidak keberuntungan yang mereka dapat, tetapi bila mereka mendapat kurniaan, mereka tidak akan bersyukur kepada Allah SWT dan di akhirat nanti ia akan ditemani oleh Iblis yang sama-sama menuju Neraka Jahannam.</p>	28
<p>3. Sifat sombong hanya menurut hawa nafsu.</p> <p>Orang sombong akan bertindak sesuai dengan apa yang dikehendakinya tanpa memikirkan atau mempedulikan sekitarnya. Mereka sering bertindak tanpa berfikir panjang dan hanya mengikut hawa nafsu semata-mata, mereka akan melakukan apa sahaja, yang penting mereka puas dan bangga.</p>	29
<p>Dalam keadaan seperti itu, mereka akan cenderung berbuat serakah dan mudah dihasut oleh syaitan dan iblis sehingga yang mereka lakukan tidak lain melainkan maksiat semata-mata.</p>	30
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلاًّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الغَىِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ</p>	31



<p><i>“Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sombong takbur di muka bumi dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayatKu (yang menunjukkan kekuasaanKu); dan mereka (yang bersifat demikian) jika mereka melihat sebarang keterangan (bukti), mereka tidak beriman kepadanya, dan jika mereka melihat jalan yang (membawa kepada) hidayah petunjuk, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Dan sebaliknya jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Yang demikian itu, kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-A'raf : 146).</i></p>	32
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	33
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	34



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasanya dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadan</p>	6
<p>kerana ianya tidak akan membatalkan puasa. Perkara ini telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.</p>	7



<p>Khatib juga ingin berpesan, dalam kita mengejar segala fadilat dan kelebihan bulan ramadan yang berbaki 19 hari lagi, marilah kita menggandakan usaha untuk menghidupkan malam-malam ramadan dengan mendirikan solat sunat tarawih secara sempurna iaitu sebanyak dua puluh rakaat. Inilah yang bertepatan dengan mazhab Al-Shafie.</p>	
<p>Dalam kitab al-Majmu' karangan imam Al-Nawawi menyatakan :</p> <p>مَذْهَبُنَا أَنَّهَا عِشْرُونَ رَكْعَةً بَعَشَرَ تَسْلِيمَاتٍ غَيْرِ الْوُتْرِ</p> <p>“ Mazhab kami, ia (solat tarawih) adalah dua puluh rakaat dengan sepuluh salam tidak termasuk witr”.</p> <p>Bahkan ia juga adalah pegangan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal. Manakala Imam Malik bin Anas pula menyatakan sebanyak tiga puluh enam rakaat.</p>	
<p>Dua puluh rakaat solat sunat tarawih ini berdasarkan riwayat daripada Al-Sa'ib bin Yazid Radhiallahu'anhu katanya :</p> <p>كَانُوا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بَعِشْرِينَ رَكْعَةً.</p> <p>“Adalah mereka (para sahabat) pada zaman Umar bin Al-Khattab Radhiallahu'anhu mendirikan (tarawih) pada bulan Ramadan sebanyak dua puluh rakaat”.</p> <p>(Riwayat Al-Baihaqi)</p>	



<p>Oleh itu, marilah kita sempurnakan tarawih sebanyak dua puluh rakaat, agar mendapat fadilat sebagaimana yang dijanjikan oleh baginda nabi SAW iaitu keampunan Allah bagi segala dosa yang telah lalu. Sesungguhnya, tarawih yang dilakukan kurang daripada bilangan rakaat tersebut tidak dinamakan tarawih sebagaimana dalam mazhab Shafie', namun ia tetap mendapat pahala solat malam (qiam) insha Allah.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Dihari yang mulia ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firmanNya :</p>	
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	13



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	14
<p>اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ اَمِيْر شَاه اِبْنِالسُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	15
<p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	19
	20



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ كَثِيرَةٌ ۖ وَإِذْكُرُوا اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22